

Kabinet setuju wujudkan 'Kursi Pengajian Eropah'

UM 26 JUN 2009

KUALA LUMPUR 25 Jun - Kabinet hari ini bersetuju supaya diwujudkan Kursi Pengajian Eropah di salah sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi tujuan mengkaji segenap aspek tentang bangsa tersebut.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad berkata, kajian tersebut kelak boleh dimanfaatkan bagi memahami selok-belok bangsa Eropah termasuk Amerika Syarikat (AS).

"Kabinet menyusul cadangan yang dibangkitkan dalam Perhimpunan Agung UMNO lalu. Buat permulaan kita tubuhkan jawatan profesor bagi Kursi Pengajian Eropah," katanya.

Sehubungan itu beliau berkata, pihaknya telah mengarahkan Jabatan Pendidikan Tinggi agar membuat kajian tentang universiti terlibat dan tokoh akademik yang sesuai untuk menduduki kerusi pengajian tersebut.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet di kementeriannya di sini hari ini.

Cadangan mengenai keperluan mengkaji tabiat bangsa Eropah dibangkitkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung UMNO ke-54 minggu lalu.

Perkara tersebut kemudiannya mendapat reaksi

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak lantas menyarankan agar kerajaan menubuhkan institut penyelidikan Barat bagi membuat kajian tentang bangsa Eropah.

Menurut Musa, pada masa ini kementeriannya belum mengenal pasti siapa yang layak menduduki kerusi berkenaan dan ia hanya akan ditentukan selepas jawatan kerusi berkenaan diwujudkan.

"Kita akan memutuskan perkara itu secepat mungkin termasuk menetapkan ruang lingkup tugas bagi jawatan profesor itu.

Tempat

"Kita juga terpaksa fikirkan tentang jumlah kos yang akan dikeluarkan," ujarnya.

Dalam pada itu, Musa tidak menolak kemungkinan memilih Universiti Malaya (UM) untuk menempatkan kursi tersebut memandangkan ia telah mempunyai Institut Asia-Eropah.

"Mungkin dari satu segi UM merupakan tempat yang sesuai kerana sudah memiliki institut yang ditubuhkan dengan kerjasama antara Asia dan Eropah," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata, kementeriannya juga akan meneliti kemungkinan terdapat universiti lain yang telah menawarkan kursus kajian Eropah termasuk tent&g peradaban, ekonomi dan kecenderungan bangsa itu.

Namun jelasnya, sebagai langkah permulaan, kerajaan tidak akan mewujudkan sebuah institut memandangkan tugas mengkaji bangsa Eropah agak berat.

"Mungkin ia (tubuh institut) tidak mendatangkan kesan seperti yang diharapkan dan kita perlu memikirkan secara lebih mendalam dahulu," ujarnya.

Ditanya mengapa sekarang baru hendak diwujudkan sebuah institusi bagi mengkaji bangsa Eropah, Musa menjelaskan, UMNO telah membuka tirai perbincangan tentang perkara itu memandangkan bangsa Eropah sekarang memainkan peranan penting dalam percaturan dunia.

"Jika dikaji latar belakang bangsa Eropah, mereka selalu terlibat dalam usaha menakluk dunia lain," katanya.

Tambahnya, bangsa tersebut akan menentukan corak pembangunan dunia terutama dalam ekonomi dan ia juga akan mempengaruhi kedudukan negara ini.

"Oleh itu, adalah penting kita mengkaji selok-belok bangsa Eropah dan ia akan memberi manfaat untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan mereka.

"Jika tidak tahu perangnya mereka maka sukar kita hendak wujudkan kerjasama," katanya.